

Mengenai *Ijārah* dari Aspek Aplikasi, Perundangan dan Syariah

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-4, yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 3 – 4 Dhū al-Ḥijjah 1431 (10 – 11 November 2010) memutuskan:

1. *Ijarah* didefinisikan sebagai pemilikan manfaat yang dibenarkan dan diketahui pada satu tempoh yang diketahui dengan bayaran (*iwadh*) yang diketahui dan dibenarkan oleh Syarak. *Ijarah* terpakai dalam dua keadaan iaitu *ijarah* terhadap benda (*ijarah a'yan*) dan *ijarah* tenaga kerja (*ijarah a'mal*).
2. Muzakarah mengambil maklum bahawa banyak kajian berkaitan *ijarah* telah dilaksanakan dan banyak fatwa telah dikeluarkan oleh berbagai institusi yang berkaitan. Oleh itu, adalah wajar untuk fatwa-fatwa ini dirujuk di dalam proses penstrukturan sesuatu produk berasaskan *ijarah*.
3. Muzakarah memutuskan bahawa di Malaysia:
 - a. *Al-Ijarah al-Mutahiyyah bi al-Tamlik* adalah tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967 (*Hire Purchase Act*) yang di dalamnya terdapat peruntukan-peruntukan yang tidak selaras dengan Syariah. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar peruntukan yang bersesuaian di dalam Akta Sewa Beli digubal untuk mengecualikan (*carve out*) pemakaiannya ke atas *Al-Ijarah al-Mutahiyyah bi al-Tamlik*; ataupun memasukkan peruntukan khas di dalam Akta Sewa Beli untuk menjelaskan kedudukan *Al-Ijarah al-Mutahiyyah bi al-Tamlik* sebagai satu instrumen pembiayaan yang menepati Syariah; ataupun melalui penggubalan undang-undang berasingan yang terpakai kepada *Al-Ijarah al-Mutahiyyah bi al-Tamlik* sahaja.
 - b. Muzakarah mengambil maklum bahawa bagi instrumen *ijarah* selain daripada *Al-Ijarah al-Mutahiyyah bi al-Tamlik*, secara umumnya, melalui undang-undang yang sedia ada iaitu Undang-undang Kontrak 1950, prinsip-prinsip am kontrak dan pindaan undang-undang percukaian bagi mengelak cukai berganda membolehkan kontrak *ijarah* distruktur dengan terma-terma patuh Syariah. Di dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab penasihat Syariah untuk meneliti, menyemak dan memastikan sesuatu kontrak *ijarah* yang dibangunkan adalah patuh Syariah.
4. Muzakarah mengambil maklum bahawa kontrak *ijarah* di Indonesia secara umumnya terikat oleh beberapa Peraturan Bank Indonesia (PBI). Secara khususnya, Fatwa Dewan Syariah Nasional telah dikeluarkan berkaitan dengan *ijarah* dan *ijarah muntahiyyah bi al-tamlik*. Terdapat juga piawaian perakaunan khas bagi muamalat *ijarah* iaitu Pernyataan Standar Akuntansi Keuangan (PSAK) No. 107 Akuntansi Ijarah yang diterbitkan oleh Dewan Standar Ikatan Akuntan Indonesia (IAI). Pengalaman Indonesia ini bolehlah dimanfaatkan oleh Negara Nusantara yang lain.

5. Mengambil maklum bahawa *khiyar* di dalam bentuknya yang berbagai boleh berlaku di dalam *ijarah* terhadap benda (*ijarah a'yan*) dan tidak berlaku terhadap *ijarah* tenaga kerja (*ijarah a'mal*).
6. Jawatankuasa Syariah dan Penasihat Syariah hendaklah memainkan peranan yang aktif di dalam memastikan struktur dan setiap terma di dalam dokumen berkaitan produk berasaskan *ijarah* adalah selaras dengan Syariah.
7. Menyarankan pembentukan “Pasukan Bertindak (*Task force*)” untuk menilai dan mengenal pasti isu-isu berkaitan *ijarah* dari semua perspektif, antaranya undang-undang, Perakaunan (terutamanya dengan pengenalan FRS 117 yang baru), percukaian, pengauditan, pengurusan risiko dan sebagainya. Pasukan Bertindak ini akan membuat cadangan-cadangan penyelesaian secara menyeluruh.